




# ڤرڤوستاڪان بروني دارالسلام

## PERPUSTAKAAN BRUNEI DARUSSALAM



## **PENGENALAN**

Perpustakaan Brunei Darussalam merupakan gabungan antara perpustakaan awam dan perpustakaan khusus di Negara Brunei Darussalam.

Ianya diwujudkan bagi memudahkan orang ramai untuk mencari dan menempah buku-buku baru dan lama yang ada di dalam koleksi perpustakaan secara online, dan seterusnya mempercepatkan urusan peminjaman awda.

Selain orang ramai mengetahui buku-buku di perpustakaan awam di seluruh negara, para pegawai dan kakitangan di beberapa agensi kerajaan juga bolehlah mencari dan mendapatkan buku-buku yang terdapat di perpustakaan khusus masing-masing dengan cepat dan mudah.

## **PERKHIDMATAN E-LIBRARY**



### PENCARIAN BUKU

Dengan melayari web portal e-Library, pengguna boleh melakukan pencarian buku di mana sahaja mereka berada.

### PENDAFTARAN AHLI

Kepada orang ramai yang ingin menjadi Ahli Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, mereka bolehlah mengisi borang ahli secara "online" dengan hanya melayari portal e-library "[www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/](http://www.librarybrunei.gov.bn/library/dbp/)" atau datang ke kaunter peminjaman Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. PENDAFTARAN ADALAH PERCUMA.

### PEMINJAMAN BUKU

Perkhidmatan eLibrary juga menyediakan mesin layan sendiri di kesemua cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

### PEMULANGAN BUKU



Kemudahan "BookDrop" telah disediakan bagi pembaca yang ingin memulangkan buku tanpa perlu masuk ke dalam bangunan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemudahan ini diletakkan di luar pintu masuk utama. "Book Drop" beroperasi setiap hari selama 24 jam.

### E-BOOKS

Perkhidmatan eBooks adalah eksklusif untuk ahli perpustakaan eLibrary. ianya adalah PERCUMA.

## KIOSK PEMINJAMAN LAYAN SENDIRI

Bagi mempercepatkan proses peminjaman buku, pengguna boleh menggunakan mesin Kiosk Peminjaman Layan Sendiri yang telah disediakan di kesemua cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cara menggunakan mesin kiosk layan sendiri amatlah mudah iaitu:-

1. Sila tekan layar untuk mula.
2. Sila imbas kad ahli ATAU masukkan nombor kad ahli awda.
3. Sila teruskan dengan pilihan awda.

Kiosk ini juga dapat digunakan untuk melihat jumlah dan tarikh pemulangan buku yang masih dipinjam.



## KIOSK PEMULANGAN BUKU (BOOKDROP)

Bagi memudahkan orang ramai untuk memulangkan buku, Mesin Pemulangan Buku atau lebih dikenali sebagai “BookDrop” telah disediakan dan diletakkan di luar pintu masuk utama bangunan.

Untuk makluman pengguna, Mesin “BookDrop” ini beroperasi 24/7 jam dan dengan ini pengguna boleh memulangkan buku selepas waktu perkhidmatan perpustakaan.

Penggunaan mesin tersebut amatlah mudah, dengan hanya tiga (3) langkah sahaja iaitu:



Dengan adanya “BookDrop” ini, pembaca yang telah meminjam buku-buku Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka boleh memulangkan buku tersebut dimana-mana cawangan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Pembaca yang meminjam buku dari Perpustakaan DBP Lambak Kanan boleh memulangkan buku ke Perpustakaan DBP Sengkurong.

## BOOKMYNE


Aplikasi “BookMyne” mempercepat dan memudahkan pengguna melakukan pencarian buku yang terdapat di dalam pangkalan data sistem e-Library. Pengguna boleh menggunakan aplikasi “BookMyne” seperti:-

1. Mencari Katalog Perpustakaan eLibrary.
2. Menguruskan akaun awda


Melalui aplikasi ini, pengguna boleh mengimbas kod bar (“Barcode”) yang terdapat di belakang buku untuk mencari dan mengetahui sama ada buku itu terdapat di mana-mana cawangan perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan perpustakaan-perpustakaan khusus di Negara Brunei Darussalam.

Aplikasi ini boleh dimuat turun dari “Google Play” atau “Apple App Store” secara percuma.






Tekan "Change Library"



Tekan "Nearby Search"




Sila pilih perpustakaan awda



Sila masukkan tajuk buku yang dikehendaki dan tekan



Buku-buku yang ada akan disenaraikan




Tekan tajuk buku untuk melihat keterangan lebih lanjut





# ديوان بهاس دان قوستاك بروني

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



DBPLIBRARYBSB

www://

[www.librarybrunei.gov.bn](http://www.librarybrunei.gov.bn)

TEL: +673-2235501

Faks: +673-2224753

